

Hakisan pantai bakal mengakibatkan saiz daratan terus berkurangan

Malaysia bakal kehilangan pantai

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Seorang pakar geologi tempatan menjangkakan Malaysia bakal kehilangan suku kawasan pantainya dalam tempoh 10 hingga 20 tahun lagi disebabkan oleh fenomena hakisan.

Mantan Ketua Jabatan Geologi Universiti Malaya (UM), Profesor Madya Datuk Dr. Mohamad Ali Hasan (**gambar**) berkata, situasi yang berpotensi menyebabkan saiz daratan Malaysia mengecil itu boleh mengancam keselamatan penduduk di kawasan pantai dan kepentingan biodiversiti.

Beliau mendakwa, fenomena hakisan

pantai berlaku disebabkan oleh perubahan iklim dan salah laku manusia dalam menguruskan sumber yang terdapat di kawasan-kawasan pantai Malaysia.



“Pada waktu ini kita dapat lihat banyak bukti hakisan yang berterusan di kawasan-kawasan pantai. Ada jarak pantai telah berkurangan satu hingga dua meter disebabkan fenomena ini.

“Kita boleh melihatnya berlaku di beberapa negeri termasuk Negeri Sembilan dan Kelantan. Malangnya perkara ini masih tidak dipandang serius. Jika tiada tindakan proaktif, saya bimbang Malaysia akan kehilangan banyak pantai dalam beberapa puluh tahun lagi,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.



KERATAN *Kosmo!* 29 November 2015.

Beliau berkata demikian sewaktu diminta mengulas tentang kebimbangan penduduk Kampung Tanjung Gelam, Kuala Nerus, Terengganu berikutan kejadian hakisan yang berlaku di kampung berkenaan.

Penduduk mendakwa, masalah hakisan sepanjang 600 meter di pesisir pantai di

Kampung Tanjung Gelam turut mengancam keselamatan kira-kira 10 buah rumah penduduk di situ.

Mohamad Ali berkata, kehilangan kawasan pantai merupakan satu kerugian ekonomi buat negara terutama ke atas sektor pelancongan dan perikanan.

Justeru, beliau berharap kerajaan memberi perhatian terhadap kawasan pantai masing-masing dengan mengambil langkah pemuliharaan yang lebih proaktif.

Beliau turut mencadangkan satu pelan induk dengan peruntukan yang mencukupi disediakan oleh kerajaan untuk menangani fenomena hakisan pantai.

“Misalnya, perlu ada peruntukan kawalan pantai dan tebing pantai yang lebih tegas dan usaha menanam pokok seperti pokok bakau yang berterusan,” katanya.